

UNTUK SIARAN SEGERA



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**TIADA KOMPROMI TERHADAP SALAH LAKU SEKSUAL, TINDAKAN
TEGAS MESTI DIAMBIL TERHADAP PESALAH**

Kementerian Pendidikan (KPM) mengambil serius kes salah laku seksual yang melibatkan beberapa orang murid di sebuah sekolah di Melaka. Kes ini sedang diambil tindakan oleh pihak polis. Semua suspek telah ditahan reman untuk siasatan lanjut.

KPM memberi kerjasama penuh kepada proses siasatan yang sedang berjalan. Tiada kompromi terhadap kes salah laku seksual dan tindakan tegas mesti diambil terhadap sesiapa sahaja yang bersalah.

Semua pentadbir institusi pendidikan diarah untuk mematuhi Garis Panduan Pengurusan Salah Laku Seksual yang sedang digunapakai dan memastikan keselamatan murid, guru dan seluruh warga institusi pendidikan.

TAMAT

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN
11 OKTOBER 2025**